



## **Bas percuma ke Parlimen**

Februari 4, 2023 @ 10:56am

PUTRAJAYA: Perkhidmatan bas perantara percuma untuk Ahli Parlimen dan petugas Parlimen dari KL Sentral ke bangunan Parlimen akan dimulakan pada persidangan Parlimen akan datang.

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook, berkata cadangan memperkenalkan perkhidmatan itu dinyatakan kepada Speaker Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul dan beliau bersetuju.

Fook berkata, perbincangan lanjut dengan pentadbiran Parlimen akan dilakukan untuk memastikan isu keselamatan tidak dikompromi serta berkenaan aspek penyelarasan seperti penggunaan pas tetap untuk memasuki kawasan Parlimen.

"Kita akan lihat bagaimana untuk melaksanakannya dari segi mekanisme mengambil pas keselamatan," katanya menambah perkhidmatan bas perantara itu usaha mengurangkan kesesakan di luar kawasan Parlimen serta memberi contoh kepada masyarakat untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.

Persidangan Dewan Rakyat dijadualkan bermula pada 13 Februari ini.

Sementara itu, Fook berkata, perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) laluan Putrajaya Fasa Dua akan beroperasi pertengahan Mac depan dari Putrajaya Sentral ke Kwasa Damansara dengan jarak lebih 50 kilometer.

Katanya, perkhidmatan itu sedang melaksanakan percubaan membabitkan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sebagai pengawal selia.

Sementara itu, ditanya mengenai pembinaan Pelabuhan Laut Dalam dan Terminal Pelayaran Antarabangsa di Melaka, Fook berkata, itu hanya cadangan awal dan tiada lesen operasi diberikan.

Beliau berkata, pemberian lesen hanya akan dibuat selepas kajian berkaitan dijalankan termasuk Laporan Penilaian Alam Sekitar (EIA) sebelum pembangunan dimulakan.

Pada 1 Februari lalu, sebanyak 26 badan bukan kerajaan (NGO) membantah projek tambak laut seluas 1,190 ekar di Alai, Melaka, yang bertujuan membina Pelabuhan Laut Dalam dan Terminal Pelayaran Antarabangsa. – BERNAMA